KOPERASI KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA PEKERJA
PERDAGANGAN BERHAD
KOPERASI NUCW BERHAD
WISMA NUCW NO 9 JALAN MANAU OFF JALAN KAMPUNG ATTAP 50460 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2276 6363 FAX: 03-2276 6361

# BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN TAWARRUQ KAKITANGAN KERAJAAN

**DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

1) 3 KEPING SALINAN KAD PENGENALAN PEMINJAM (CTC)
2) PENYATA GAJI 3 BULAN TERKINI BESERTA PENGESAHAN (CTC)
3) BORANG BPA 1/79 (LENGKAP)
4) SURAT PENGESAHAN MAJIKAN
5) BORANG MASUK KEANGGOTAAN KOPERASI BESERTA FI MASUK RM20
6) BIL UTILITI

**MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON**

No Anggota: ☐☐☐☐☐

Nama Mengikut K/P:

No. K/P: ☐☐☐☐☐☐ - ☐☐ - ☐☐☐☐

Tarikh Lahir: ☐☐ / ☐☐ / ☐☐☐☐

Umur: ☐☐☐

Jantina: ☐ Lelaki ☐ Perempuan

Bangsa: ☐ Melayu ☐ Cina ☐ India ☐ lain-lain

Warganegara

No Telefon Bimbit: ☐☐☐ - ☐☐☐☐☐☐☐

Bilangan Tanggungan:

Taraf Perkahwinan: ☐ Berkahwin ☐ Bujang ☐ lain-lain

Pengajian: ☐ Ijazah ☐ Diploma ☐ lain-lain

No. Telefon Kediaman: ☐☐☐ - ☐☐☐☐☐☐☐☐

Tahun Meduduki Kediaman:

Jenis Kediaman: ☐ Sendiri ☐ Sewa ☐ Ibubapa ☐ Bawah Pembiayaan Tawarruq ☐ lain-lain

Alamat Kediaman

Poskod:

Bandar:

Negeri:

KOPERASI KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA PEKERJA
PERDAGANGAN BERHAD
KOPERASI NUCW BERHAD
WISMA NUCW NO 9 JALAN MANAU OFF JALAN KAMPUNG ATTAP 50460 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2276 6363 FAX: 03-2276 6361

## BUTIR-BUTIR PEKERJAAN

**Nama Majikan:**

**Nama Jabatan / Bahagian / Unit:**

**Alamat Majikan:**

**Poskod:** **Bandar:**

**Negeri:**

**No Telefon Pejabat:** - **Sambungan:** **No Faks** -

**Taraf Pekerjaan:** ☐ Tetap ☐ Sementara ☐ Kontrak **Tempoh Perkhidmatan:**

**Nama Jawatan:** **Tarikh Mula Berkhidmat:** / /

**Gaji Tetap Bulanan:** RM , . **Elaun Tetap Bulanan:** RM , .

## BUTIR-BUTIR SUAMI ATAU ISTERI (UNTUK PEMOHON SUDAH BERKAHWIN)

**Nama Mengikut K/P:**

**No. K/P:** - - **No. Telefon Bimbit / No. Dihubungi** -

**Nama Majikan:**

**Jawatan**

KOPERASI KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA PEKERJA
PERDAGANGAN BERHAD
KOPERASI NUCW BERHAD
WISMA NUCW NO 9 JALAN MANAU OFF JALAN KAMPUNG ATTAP 50460 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2276 6363 FAX: 03-2276 6361

**HUBUNGAN KECEMASAN (SAUDARA / KAWAN YANG TINGGAL BERASINGAN)**

**Nama Mengikut K/P:**

**No. K/P:** ______ - __ - ____

**Hubungan Pertalian dengan Pemohon:**

**Alamat Kediaman:**

**Poskod:**

**Bandar:**

**Negeri:**

**No. Telefon Bimbit / No. Dihubungi:** ___ - ________

| Institusi Kewangan / Bank | Jenis Kredit | Tarikh Diperolehi | Jumlah Asal | Baki Semasa | Bayaran Balik Bulanan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |
| | | | | | |

**BUTIR-BUTIR PEMBIAYAAN TAWARRUQ (Tertakluk kepada kelayakan gaji)**

**Jumlah Pembiayaan Tawarruq Yang Dipohon:**

**RM** __ , ___ . __

**Tempoh Bayaran:**

___ **Bulan (24 / 36 / 48 / 60/ 72 / 84 / 96 / 108 / 120)**

KOPERASI KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA PEKERJA
PERDAGANGAN BERHAD
KOPERASI NUCW BERHAD
WISMA NUCW NO 9 JALAN MANAU OFF JALAN KAMPUNG ATTAP 50460 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2276 6363 FAX: 03-2276 6361

**PENGISTIHARAN**

**PEMOHON**

**Saya dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawasanya segala butiran yang telah diberikan di dalam borang permohonan ini adalah benar dan tepat sama sekali. Saya juga membenarkan pihak Koperasi NUCW Berhad atau mana-mana wakilnya yang berdaftar dan sah, untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan butiran permohonan ini dari mana-mana sumber dan dengan pihak yang berkaitan. Saya juga mengesahkan bahawasaya membenarkan pihak Koperasi NUCW Berhad menyemak dan membuat pemeriksaan serta pengesahan menyeluruh daripada mana-mana agensi kredit atau mana-mana institusi kewangan lain serta mana-mana pihak dan individu yang dirasakan sesuai bagi tujuan semakan butiran ini. Saya juga bersetuju dan mengesahkan bahawa permohonan ini menjadi milik mutlak pihak Koperasi NUCW Berhad dimana segala keputusan untuk kelulusan atau kegagalan pinjaman adalah tertakluk kepada pihak Koperasi NUCW Berhad secara mutlak tanpa apa-apa sebab. Saya juga memberi kuasa penuh kepada pihak Koperasi NUCW Berhad bagi membincangkan dengan pihak majikan saya tentang pembiayaan permohonan ini serta rekod pembayaran pada masa akan datang. Saya juga bersetuju bagi membenarkan pihak Koperasi NUCW Berhad untuk mendebit mana-mana akaun deposit saya untuk ansuran bulanan pada atau sebelum tarikh matang bagi setiap ansuran bulanan dan apa-apa caj yang berkaitan dengan pinjaman ini. Saya juga dengan ini mengistiharkan secara jujurnya bahawa saya bukanlah seorang bankrap dan tidak memiliki apa- apa tindakan undang-undang yang diambil terhadap saya. Saya juga bersetuju sekiranya saya gagal membuat bayaran balik pinjaman saya tindakan undang-undang boleh diambil keatas diri saya / penjamin. Saya telah membaca dan memahami segala "Terma-terma dan Syarat-syarat" yang telah ditetapkan serta telah membuat permohonan ini berdasarkan ketetapan tersebut, Apabila permohonan pembiayaaan ini diluluskan, saya bersetuju untuk terikat dengan segala ketetapan"Terma-terma dan syarat-syarat" yang dikuatkuasakan oleh pihak Koperasi NUCW Berhad ke atas Pembiayaan ini. Saya juga bersungguh-sungguh mengakui bahawa Isteri/Suami/anak-anak/Ibubapa saya bukanlah seorang Pengarah/Kakitangan Kopersi NUCW Berhad dan /atau memiliki pertalian dengan Pengarah/kakitangan di Koperasi NUCW.**

______________________________

**Tandatangan Pemohon**

**Tarikh** ______________________

***SILA PASTIKAN SETIAP BUTIRAN ANDA DALAM BORANG PERMOHONAN DIISI DENGAN LENGKAP TERMASUK MAKLUMAT PENJAMIN DAN WARIS BERSERTA DOKUMEN YG DIPERLUKAN. BORANG PERMOHONAN YANG*** **TIDAK LENGKAP TIDAK AKAN DI PROSES.**

AMARAN

***Anda adalah dilarang sama sekali:-***

1. ***Menyerahkan kad ATM kepada pihak ketiga bagi urusan pinjaman ini***
2. ***Membuat sebarang bayaran kepada pihak ketiga tanpa pengesahan daripada pihak Koperasi NUCW Berhad***
3. ***Membuat permohonan pinjaman tanpa merujuk terma-terma dan syarat-syarat pinjaman oleh pihak Koperasi NUCW Berhad***

***Pihak Koperasi NUCW Berhad tidak akan bertanggungjawab diatas sebarang kerugian yang disebabkan oleh larangan-larangan yang tidak dipatuhi oleh peminjam***

KOPERASI KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA PEKERJA
PERDAGANGAN BERHAD
KOPERASI NUCW BERHAD
WISMA NUCW NO 9 JALAN MANAU OFF JALAN KAMPUNG ATTAP 50460 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2276 6363 FAX: 03-2276 6361

## LAFAZ AKAD PEMBIAYAAN TAWARRUQ KOPERASI NUCW BERHAD

بسم الله الرحمن الرحيم

Saya ________________________________________bersetuju dan menerima Pembiayaan Tawarruq daripada pihak Koperasi NUCW Berhad sebanyak RM _____________________dengan tempoh bayaran tangguh selama _____________tahun dengan harga jualan komoditi oleh pihak Koperasi NUCW Berhad dan pihak yang terlibat sebanyak RM _______________________.
Saya bersetuju untuk caj pentadbiran dan caj pembelian commodity yang terlibat:-

1. Yuran proses RM _____________________
2. Takaful Pembiayaan Tawarruq RM _____________________
3. Deposit Sekuriti RM _____________________
4. Duti Setem RM _____________________
5. Caj Guaman RM______________________

_______________________ ______________________

TANDATANGAN TARIKH AKAD

| | |
|---|---|
| 3 KEPING SALINAN KAD PENGENALAN PEMINJAM (CTC) | |
| PENYATA GAJI 3 BULAN TERKINI BESERTA PENGESAHAN (CTC) | |
| BORANG BPA 1/79 (LENGKAP) | |
| SURAT PENGESAHAN MAJIKAN | |
| BORANG MASUK KEANGGOTAAN KOPERASI BESERTA FI MASUK RM20 | |
| BIL UTILITI | |

KOPERASI KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA PEKERJA PERDAGANGAN BERHAD
KOPERASI NUCW BERHAD
WISMA NUCW NO 9 JALAN MANAU OFF JALAN KAMPUNG ATTAP 50460 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2276 6363 FAX: 03-2276 6361

# PERJANJIAN PEMBIAYAAN TAWARRUQ

Pemohon hendaklah melengkapkan borang permohonan ini dan diserahkan terus kepada pihak Koperasi NUCW Berhad dan setelah ianya lengkap berdasarkan penilaian pihak Koperasi NUCW Berhad, maka pihak Koperasi NUCW Berhad bersetuju bagi menyediakan kemudahan pembiayaan tersebut namun ianya berdasarkan Terma-Terma yang dinyatakan di borang ini.

**1. JUMLAH PINJAMAN YANG DILULUSKAN**

Jumlah pinjaman yang diluluskan adalah menjadi hak mutlak Koperasi NUCW Berhad bagi menentukannya. Ianya akan dilakukan berdasarkan kelayakan pemohon dan juga keadaan semasa kewangan yang difikirkan bersesuaian dengan permohonan pembiayaan yang dibuat.

**2. AMAUN YANG DIPOTONG / DIBAYAR OLEH PEMOHON DARI JUMLAH PEMBIAYAAN**

Segala amaun-amaun yang dinyatakan dibawah akan ditolak dari jumlah pembiayaan yang diluluskan oleh Koperasi NUCW Berhad:-

a. Deposit sekuriti
b. Caj pemprosesan
c. Duti setem
d. Fi guaman
e. Takaful pembiayaan
f. Penyelesaian pembiayaan dengan pihak lain.
g. Lain-lain caj atau amaun yang dirasakan perlu dibayar oleh pemohon.

Tertakluk kepada jenis produk yang diambil oleh pemohon dan tertakluk kepada budibicara pihak Koperasi NUCW Berhad bagi sebarang perubahan amaun amaun yang dinyatakan.

**3. SYARAT-SYARAT AWAL KELAYAKAN PEMBIAYAAN**

Sebelum pihak Koperasi NUCW Berhad memberi kelulusan dan melakukan transaksi pembayaran pembiayaan kepada pemohon, syarat-syarat yang dinyatakan dibawah ini perlu dipatuhi terlebih dahulu oleh pihak pemohon dan juga pihak Koperasi NUCW Berhad yang menguruskan pengeluaran bayaran pembiayaan ini.

a) Semua dokumen permohonan dan dokumen sampingan yang berkaitan telah lengkap diisi, diterima dan di sempurnakan prosesnya.
b) Pemohon telah lulus penilaian kredit berdasarkan ketetapan yang ditetapkan oleh pihak penilai Koperasi NUCW Berhad.
c) Pemohon telah memahami dan mempersetujui semua terma-terma dan syarat-syarat pembiayaan yang telah ditetapkan oleh pihak Koperasi NUCW Berhad.
d) Pemohon telah menjelaskan apa-apa bayaran serta yuran yang ditetapkan oleh pihak Koperasi NUCW Berhad.
e) Apa-apa syarat lain yang difikirkan perlu oleh pihak Koperasi NUCW Berhad.

**4. CARA TRANSAKSI PEMBIAYAAN**

Pemohon dengan ini bersetuju, apabila pembiayaan telah diluluskan oleh pihak Koperasi NUCW Berhad, ianya akan dikreditkan kedalam akaun pemohon oleh Koperasi NUCW Berhad atau apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh pihak Koperasi NUCW Berhad

Tertakluk kepada prosuder yang ditetapkan oleh pihak Koperasi NUCW Berhad, tawaran pembiayaan akan dilakukan melalui **akad** oleh pihak kakitangan Koperasi yang dilantik melalui panggilan telefon bersama pemohon setelah pemohon didapati layak dan segala proses dokumentasi serta penilaian kredit berjaya. Pemohon akan dimaklumkan tentang segala butiran pembiayaan yang telah disediakan dan perlu memberi persetujuan sebelum pihak Koperasi NUCW Berhad menyediakan cek bayaran pembiayaan seterusnya melakukan transaksi pembayaran pembiayaan tersebut. Bagi sebarang pembiayaan yang ingin dirombak/diubah oleh pihak pemohon, ianya juga perlu mendapat persetujuan dan kelulusan dari pihak Koperasi NUCW Berhad. Tempoh pemprosesan yang baru akan dilakukan bagi sebarang rombakan /perubahan bagi pembiayaan tersebut. Pihak pemohon juga dibolehkan untuk menerima akad secara terus di pejabat Koperasi NUCW Berhad yang beralamat sah. Pemohon perlu datang sendiri (tidak boleh diwakili oleh mana-mana pihak) bagi menerima akad tersebut oleh kakitangan yang dilantik oleh pihak Koperasi NUCW Berhad. Pemohon juga berhak menerima terus cek jumlah bersih bayaran pembiayaan daripada pihak Koperasi NUCW Berhad untuk dikreditkan sendiri oleh pomohon ke akaunnya. Sekiranya pemohon gagal dihubungi untuk proses akad selepas dalam tempoh 5 hari bekerja, pihak Koperasi NUCW Berhad berhak membatalkan permohonan pembiayaan tersebut, dan selepas tempoh tersebut sekiranya pemohon ingin menjayakan permohonan tersebut maka pemohon haruslah mengemukakan permohonan yang baru. Segala keputusan adalah tertakluk kepada budi bicara Koperasi NUCW Berhad.

**5. CARA PEMBAYARAN BALIK PEMBIAYAAN / ANSURAN**

Cara atau kaedah pembayaran balik pinjaman adalah tertakluk kepada kategori majikan pemohon serta produk pembiayaan. Bagi pemohon yang merupakan kakitangan kerajaan atau badan berkanun atau swasta yang memiliki kod potongan bersama pihak Biro Angkasa, segala bayaran balik adalah melalui potongan gaji oleh pihak Koperasi Biro Angkasa (ANGKASA) dan/atau potongan melalui pihak majikan pemohon, yang mana telah dipersetujui atau difikirkan perlu oleh pihak pemberi pembiayaan iaitu Koperasi NUCW Berhad. Bagi pemohon yang tidak memiliki kod potongan Biro Angkasa untuk bayaran balik pembiayaan, kaedah pembayaran balik yang ditetapkan adalah melalui potongan gaji majikan, atau debit automatik dari akaun gaji pemohon, dan ianya tertakluk kepada keputusan dan kelulusan oleh pihak Koperasi NUCW Berhad untuk menentukannya. Pemohon juga bersetuju bahawa pihak Koperasi NUCW Berhad berhak membuat potongan awal pembayaran ansuran pembiayaan melalui "Deposit Sekuriti" yang dipotong dari jumlah pembiayaan pemohon sebanyak tidak lebih dari jumlah 3 bulan ansuran pembiayaan. Apabila ansuran pembiayaan pemohon mula dipotong, pihak Koperasi NUCW tidak akan memulangkan "Deposit Sekuriti" tersebut sebaliknya, pihak Koperasi akan memendekkan tempoh bayaran balik ansuran pembiayaan berdasarkan jumlah "Deposit Sekuriti"yang telah dipotong tersebut. Pemohon harus bersetuju bahawa segala pembayaran balik ansuran pembiayaan, samada melalui potongan Koperasi Biro Angkasa, potongan gaji majikan, debit automatik dari akaun pemohon atau lain-lain kaedah pembayaran ansura pembiayaan (sekiranya ada) perlulah dimasukkan terus atau diterima terus kedalam akaun pihak Koperasi NUCW Berhad. Tarikh pembayaran ansuran pembiayaan juga adalah seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Koperasi NUCW Berhad didalam tawaran pembiayaan dan/atau Notis Pembiayaan penuh. Walaubagaimanapun bayaran balik ansuran pembiayaan tersebut hanya dianggap berjaya sekiranya pihak Koperasi NUCW Berhad menerima jumlah tersebut dan bukannya semasa potongan gaji melalui ANGKASA atau Potongan Gaji Majikan dilakukan. Sekiranya berlaku kegagalan bayaran balik ansuran pembiayaan, pemohon dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Koperasi NUCW Berhad (kebenaran yang tidak boleh dibatalkan) untuk mendebit mana-mana akaun deposit pemohon untuk ansuran bayaran balik pembiayaan tersebut termasuk caj-caj lain yang berkaitan Pemohon berakujanji untuk memastikan jumlah simpanan yang mencukupi telah disimpan didalam akaun pemohon bagi tujuan tersebut. Pemohon juga bersetuju bahawa pihak Koperasi NUCW Berhad berhak mengenakan caj levi sekiranya jumlah yang terdapat didalam akaun pemohon tidak mencukupi dan caj levi tersebut tidak akan dipulankan kepada pemohon. Koperasi NUCW Berhad juga tidak akan menanggung apa-apa liabiliti terhadap mana-mana kesilapan, keengganan atau pengabaian untuk membuat semua bayaran atau berdasarkan alasan bayaran ansuran pembiayaan lewat atau pengabaian pemohon mematuhi arahan tersebut Pemohon bersetuju dan berakujanji untuk menerima tindakan ini dan memastikan sekiranya berlaku kekurangan jumlah dalam akaun deposit pemohon haruslah menanggung segala kekurangan tersebut dan membuat bayaran balik kepada pihak Koperasi NUCW Berhad untuk gantirugi tersebut berdasarkan ketetapan pihak Koperasi NUCW Berhad. Pemohon juga bersetuju dan berakujanji untuk menanggung rugi terhadap semua atau mana-mana dakwaan, tuntutan, kerugian, kehilangan, kos, caj-caj lain atau perbelanjaan yang akan dialami oleh pihak Koperasi NUCW Berhad.

**6. JAMINAN OLEH PEMOHON**

Pemohon memberi jaminan/representasi kepada Koperasi NUCW Berhad bahawa

a) Pemohon mempunya kuasa, hak, keupayaan dan autoriti untuk menerima tawaran pembiayaan ini dan melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan berdasarkan Terma-Terma ini.
b) Pemohon/ penama didalam borang ini bukanlah seorang yang bankrap yang belum dilepaskan, atau tiada apa-apa prosiding kebrankapan, atau tiada tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan semasa atau yang belum diputuskan terhadapnya, yang boleh mempengaruhi keupayaan dan kelayakan pemohon untuk memenuhi kriteria dibawah Terma-Terma ini.
c) Pemohon juga berakujanji akan memaklumkan kepada pihak Koperasi NUCW Berhad secara bertulis sekiranya pemohon bukan lagi kakitangan Kerajaan atau mana-mana Majikan yang dijawatankan sewaktu permohonan ini berlansung. Tempoh makluman tersebut hendaklah dilakukan tidak lebih dari satu (1) minggu dari tempoh pemohon berhenti daripada perkhidmatan tersebut.
d) Segala maklumat yang diberikan oleh pemohon berkaitan permohonan pembiayaan ini adalah sahih dan benar dan tiada sebarang penipuan atau pengabaian secara sengaja ataupun tidak oleh pemohon yang mengakibatkan maklumat tersebut menjadi tidak benar, palsu atau mengelirukan.
e) Pemohon bersetuju bahawa Terma-Terma ini adalah menjadi kewajipan undang-undang yang sah, mengikat pemohon dan boleh dikuatkuasakan terhadap pemohon berdasarkan segala Terma-Terma yang termaktub.

Pemohon juga bersetuju bahawa segala Jaminan/Representasi yang diberikan disini adalah berterusan selagi mana harga Jualan Komoditi (Pembiayaan) atau segala tanggungan dibawah pembiayaan ini masih tertunggak dan terhutang oleh pemohon. Jika didapati segala Jaminan/Representasi yang dikemukakan oleh pemohon yang telah dibuat adalah tidak benar dalam apa keadaan dan aspek sekalipun, pihak Koperasi NUCW Berhad mempunyai hak mutlak untuk untuk mengkaji semula, menhentikan, menggantung atau menuntut semula serta membatalkan permohonan pembiayaan tersebut atau sebahagian darinya.

**7. PENGAKUAN/AKUJANJI**

Sepanjang tempoh pembiayaan ini, pemohon berakujanji untuk:

a) Membayar segala ansuran bayaran balik pembiayaan pada masa yang ditetapkan serta melaksanakan segala tanggungjawabnya
b) Mengambil segala langkah yang perlu bagi mengekalkan kebolehan kedudukan kewangan untuk memenuhi keperluan komitment bayaran balik pembiayaan
c) Memberi kebenaran kepada pihak Koperasi NUCW Berhad untuk melantik mana-mana ejen/pihak untuk mengururskan segala urusan pembiayaan ini.
d) Memberikan segala maklumat dan dokumen lengkap yang diperlukan kepada pihak Koperasi NUCW Berhad berkaitan dengan pembiayaan ini.

**8. GANTIRUGI (TA'WIDH)**

Pemohon dengan ini bersetuju dan berakujanji bahawa untuk membayar gantirugi (ta'widh) di atas ansuran bayaran balik pembiayaan yang tertunggak serta bayaran keberhutangan lain atau harga jualan Komoditi Tawarruq Koperasi NUCW Berhad bagi yang bersesuaian seperti berikut.

a) Bagi sebarang kelewatan atau kegagalan membayar mana-mana ansuran bayaran balik pembiayaan seperti yang telah dipersetujui dan ditetapkan dari tarikh ia dikeluarkan (disbursement) sehingga tarikh kematangan pembiayaan tersebut, kadar gantirugi(ta'widh) yang ditetapkan adalah sebanyak 1.5% setahun (tertakluk kepada jumlah kerugian asal).
b) Pihak Koperasi NUCW Berhad juga berhak menuntut gantirugi (ta'widh) untuk caj-caj lain seperti guaman serta lain-lain yang bersesuaian serta gantirugi penuh pembiayaan sekiranya terdapat kegagalan yang berlanjutan melampaui tempoh kematangan yang ditetapkan iaitu 3 bulan.

**9. KEBENARAN PENGGUNAAN MAKLUMAT**

Pemohon bersetuju membenarkan pihak Koperasi NUCW Berhad untuk mengemukakan maklumat yang berkaitan dengan pemohon yang juga berkaitan dengan pembiayaan ini kepada Bank Negara Malaysia, Pusat Biro Credit, penasihat undang-undang dan apa-apa badan yang dirasakan perlu untuk tujuan undang-undang dan tindakan guaman sekiranya berlaku kejadian ingkar untuk melunaskan bayaran balik ansuran pembiayaan seperti yang telah dipersetujui didalam perjanjian pembiayaan ini. Pemohon bersetuju bahawa pihak Koperasi NUCW Berhad mempunyai hak mutlak untuk mengambil langkah sedemikian berdasarkan undang-undang dan demi menjaga serta mendapatkan hak Koperasi NUCW Berhad sebagai pembiaya dan pemilik mutlak untuk pembiayaan ini.

**10. PERLINDUNGAN TAKAFUL PEMBIAYAAN**

Pemohon juga bersetuju untuk menerima sebarang jenis takaful perlindungan pembiayaan yang disediakan oleh pihak Koperasi NUCW Berhad bagi melindungi pembiayaan yang diterima oleh pemohon sepanjang bayaran ansuran pembiayaan berlansung. Pemohon juga sedar bahawa perlindungan takaful ini perlu bagi melindungi hak Koperasi NUCW Berhad sekiranya berlaku ketidakupayaan untuk membayar balik pembiayaan tersebut berikutan oleh kematian atau hilang upaya pemohon sehingga menyebabkan pemohon tidak mempunyai pendapatan untuk membayar balik pinjaman. Segala kos dan kerugian akibat kegagalan bayaran balik yang disebabkan perkara tersebut akan ditanggung oleh pihak syarikat Takaful Insuran yang dilantik oleh Koperasi NUCW Berhad.

**11. PINDAAN PADA TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

Pemohon dan juga pihak Koperasi NUCW Berhad dengan ini bersetuju bahawa Koperasi NUCW Berhad berhak membuat apa-apa pindaan atau pertukaran terhadap terma-terma yang telah dipersetujui melalui notis dan makluman kepada pemohon berdasarkan kesesuaian yang difikirkan perlu bagi menjaga hak-hak pemohon dan juga Koperasi NUCW Berhad